**From:** UUM CORPORATE COMM.
**Sent on:** Tuesday, 2 August, 2022 10:38:29 AM
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students
**Subject:** OYAGSB BizTalk Bincang Hala Tuju Sektor Agrikultur Malaysia

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

2 OGOS 2022 / 4 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
*(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)*

Oleh: Dr. Teh Raihana Nazirah Roslan
Gambar oleh: OYAGSB

**OYAGSB BIZTALK BINCANG HALA TUJU SEKTOR AGRIKULTUR MALAYSIA**




**UUM ONLINE:** Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB) telah mengadakan OYAGSB BizTalk bertajuk *'Rethinking Agriculture to Feed the Culture'* bersama Pengarah Audit Dalaman dan Pengurusan Risiko Kumpulan Perangsang Selangor, Dr. Mohamad Azlan Jaafar bagi membincangkan latar belakang, evolusi serta hala tuju sektor agrikultur negara.

Beliau yang juga merupakan Panel Penasihat OYAGSB menegaskan bahawa isu jaminan makanan yang dialami dunia kini bukan sahaja berkait dengan konflik Rusia dan Ukraine, malah berpunca daripada kebergantungan kepada hasil import yang tidak mampan, kenaikan mendadak harga makanan serta kekurangan penghasilan makanan.

Menurut indeks yang dikeluarkan oleh Global Food Security, kadar jaminan makanan di Malaysia mengalami penurunan daripada tangga 28 pada 2019 kepada tangga 48 pada 2020.

Indeks ini mengukur kedudukan kadar jaminan makanan sesebuah negara dari segi mampu milik, ketersediaan dan kualiti. Malah, *Self Sufficiency Ratio* yang mengkaji kemampuan sesebuah negara untuk menghasilkan makanan bagi memenuhi keperluan tempatan juga melaporkan Malaysia mencatatkan peratusan 65.6 peratus bagi tahun 2013 dan menurun kepada 31.9 peratus bagi tahun 2018.

Statistik ini amat membimbangkan dan memerlukan tindakan bersepadu dari segi pelaksanaan kemajuan jangka pendek dan panjang.

Mohamad Azlan turut menerangkan faktor-faktor yang menjurus kepada isu ini seperti fokus yang lebih diberikan kepada sektor perindustrian, kos tinggi untuk pengeluaran seperti mesin dan baja, penglibatan syarikat terkemuka yang lebih menjurus kepada pertanian berskala besar, serta masalah kekurangan tenaga buruh.

Di samping itu, beliau turut memuji pelbagai inisiatif yang telah dijalankan di dalam negara dan telah menyumbang kepada evolusi sektor agrikultur. Antaranya ialah pertanian bandar yang dijalankan oleh penyelidik di One Utama menggunakan baja dan arang, ladang menegak tertutup oleh Sunway X Farms untuk penghasilan sayur segar dengan pantas dan menjimatkan air serta ladang satelit fertigasi pintar di Kuala Langat yang berupaya menjimatkan 20 peratus kos dan 50 peratus tenaga buruh.

Program yang diadakan menerusi Facebook dan Webex itu turut dibincangkan beberapa cadangan bagi memastikan sektor agrikultur negara terus relevan termasuk anjakan minda dan tindakan untuk memastikan keperluan makanan import dan eksport negara sentiasa dapat dipenuhi, penglibatan petani muda dan peningkatan pengetahuan petani selari dengan teknologi, kesedaran kendiri untuk mempelbagaikan sumber nutrisi, serta pengkomersialan hasil tanaman dari segi produk dan servis.

Sesi ini yang bersiaran selama satu jam itu diakhiri dengan pelbagai soalan menarik dalam sesi soal jawab daripada peserta.




Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.